

**TITAH UCAPAN  
D.Y.T.M. TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL  
RAJA MUDA PERLIS  
MERANGKAP TUANKU CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA  
PERLIS, SEMPENA MAJLIS PRA PERASMIAN SEDEKAD  
UniMAP, DI ATAS KAPAL THE STAR CRUISE  
PULAU PINANG, 26 OKTOBER 2011**

---

Bismillahirrahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, maka dapatlah kita bersama-sama pada perjumpaan yang amat besar ertinya buat semua warga UniMAP.

Pertama sekali, sebagai Canselor, Saya amat bersyukur dan berbangga kerana mempunyai seorang Naib Canselor yang komited, proaktif dan prihatin yang mana pengorbanannya dalam memimpin dan mencorak lanskap KUKUM hingga kini dikenali sebagai UniMAP tiada tandingannya. Beliau juga berpandangan jauh, senantiasa melontarkan idea-idea yang melangkaui batas sempadan biasa kotak pemikiran, dalam merancang dan melaksanakan pelbagai strategi dan program pembangunan akademik dan fizikal universiti.

Hadirin sekalian,

10 tahun berlalu begitu pantas. Nama UniMAP semakin disebut-sebut, dan mekar segar dalam kalangan komuniti Institusi Pengajian Tinggi negara. UniMAP juga semakin terserlah di

persada antarabangsa. Sesungguhnya, kita semua harus berbangga menjadi warga UniMAP. Persoalannya di sini ialah, ke mana, dan di manakah kita selepas ini?

Ke mana dan di mana kita selepas ini bergantung kepada kompas hala tuju, dan destinasi yang kita ingin sama-sama sampai. Organisasi bak bahtera yang belayar dalam lautan, di mana persekitarannya amat luas tanpa pandu arahan yang khusus seperti kenderaan di darat. Justeru, dalam mengharungi lautan dalam, persiapan yang rapi harus dibuat, supaya kita selamat sampai ke destinasi yang ditetapkan. Jika kita berada di lautan, maka ilmu pelayaran perlu kita pelajari. Alat-alat bantuan pelajaran perlu kita miliki. Sikap positif anak-anak kapal yang terlatih dalam ilmu pelayaran amat diperlukan untuk menangani

jangkaan badai dan ribut yang akan ditempuh. Saya membuat analogi ini untuk kita sama-sama hayati, apakah visi, dan misi kita selepas ini?

Untuk kita menjadi sebuah universiti yang terbilang, kita mesti membezajelaskan wajah, dan identiti universiti kita, berbanding dengan universiti-universiti yang lain. Kita mesti wujudkan kelainan dari segi persembahan, dan sistem penyampaian untuk menjadi yang terbaik di antara yang terbaik. Kita mesti cipta persepsi, membina keyakinan dan mewujudkan tanggapan positif dalam kalangan masyarakat umum terhadap universiti kita. Dalam erti kata lain, apa yang kita nak jadi, kita mesti jadi lain daripada yang lain.

Setiap yang baharu, tentu ada kelemahan dan kekuatan. Orang yang bijaksana, akan mengatasi kelemahan dan memodalkan kekuatan untuk kepentingan peribadi. UniMAP ada kelemahan, dan kekuatan tersendiri. Justeru, adalah wajar bagi UniMAP untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan yang ada, supaya ia dapat terus mencipta perbezaan yang dapat dimanfaatkan.

Hadirin sekalian,

Bagi Saya, universiti tidak ternama umumnya sekadar menjalankan 'Core Business' biasanya sebagai sebuah universiti iaitu:

- (i) Pembelajaran dan pengajaran.
- (ii) Penyelidikan dan pembangunan.
- (iii) Pentadbiran dan,

- (iv) Khidmat masyarakat, khususnya dalam bidang perundingan.

Namun begitu, sebuah universiti terbilang pula, selain daripada menjalankan *core business* tetap mereka; mereka juga mempunyai bidang tumpuan yang khusus yang meletakkan mereka terserlah atau *stand out* di kalangan dunia masyarakat akademia. Di akhir-akhir ini, universiti-universiti tempatan berlumba-lumba untuk mendapatkan pengiktirafan di dalam QS ‘*World University Ranking 2011/2012*’ dan ‘*THES 400 Top World University*’ kononnya ia boleh membawa banyak manfaat kepada universiti.

Walau apapun, buat masa sekarang, adalah lebih bijak sekiranya kita tidak terlalu taksu atau ‘*obsess*’ dengan ‘*rat race ranking*’ khususnya QS, THES dan lain-lain, yang pada hemat Saya,

penyenaraian kedudukan universiti di dunia mempunyai objektif yang berbau komersial. Kita perlu berbelanja untuk mendapat kedudukan terbaik dalam penyenaraian atau *ranking* tersebut. Bagi Saya adalah lebih tepat jika kita melihat kepada apa yang benar-benar universiti kita dapat membantu dalam pembinaan tamadun dan akhlak bangsa kita. Dunia sedang mengalami pelbagai perubahan. Seharusnya universiti sebagai gedung ilmu hendaklah membantu menyelesaikan masalah tempatan dan dunia, khususnya masalah akan datang dengan cara:

(a) Pertama

Menjalankan penyelidikan yang bertujuan menyelesaikan masalah masa hadapan ummah.

(b) Kedua

Mendidik para pelajar supaya dapat menghadapi dan menyelesaikan masalah masa hadapan.

(c) Ketiga

Menyebarkan ilmu dan pengetahuan dalam membina jati diri dan integriti masyarakat tempatan dan global yang semakin rakus, tamak dan ganas.

(d) Keempat

Mengembalikan peranan sebenar universiti sebagai entiti yang bebas dan sejagat yang tidak berpihak kepada mana-mana badan yang mempunyai kepentingan.

(e) Kelima, dan

Membina masyarakat dunia yang progresif, beretika, menghormati hak asasi manusia dan kedaulatan negara.



(f) Keenam

Menegakkan keadilan sosial dan mengurangkan kemusnahan terhadap alam sekitar.

Hadirin sekalian,

Saya tidak mahu menyentuh mengenai kekuatan dan juga kelemahan UniMAP, tetapi ingin meminta semua yang hadir supaya memberi perhatian khusus kepada peluang-peluang atau *opportunities* yang kita ada.

i) Pertama

UniMAP mempunyai pelbagai kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Kepakaran ini pula adalah serupa dengan bidang-bidang strategik yang pihak Kerajaan sedang fokuskan sekarang, seperti

bioteknologi yang memungkinkan pembangunan *Sensing Instruments Based On Biological Systems, Seed Project (NCIA)* dan lain-lain lagi. Sekiranya projek-projek yang sedang dijalankan diletakkan dalam urutan keutamaan, maka fokus yang sewajarnya boleh diberikan untuk meningkatkan kebarangkalian projek-projek berkeutamaan ini berjaya diketengahkan.

Saya juga amat berharap agar UniMAP akan dapat menimbangkan untuk menerokai bidang teknologi sukan di masa hadapan. Selain itu, teknologi marin dan juga teknologi ekostik yakni bunyi atau muzik perlu dipertimbangkan.

ii) Kedua

UniMAP mempunyai infrastruktur yang sangat baik membolehkan pelbagai penyelidikan dijalankan.

Peralatan makmal yang ada boleh diperluaskan penggunaannya supaya bukan sahaja digunakan bagi tujuan pengajaran semata-mata, tetapi juga bagi tujuan penyelidikan dan konsultasi. Konsultasi dapat menjana kewangan, selain membantu memenuhi kehendak industri.

iii) Ketiga

UniMAP terletak di lokasi yang sangat baik, iaitu bersebelahan dengan negara Thailand. Lokasi strategik ini seharusnya dieksploitasikan, supaya menarik bukan sahaja lebih ramai pelajar Thailand belajar di sini, tetapi juga cerdik pandai negara Gajah Putih itu untuk datang dan berkongsi ilmu dengan UniMAP.

iv) Keempat

UniMAP mempunyai jaringan industri dan antarabangsa yang sangat terserlah. Seharusnya jaringan ini dilebarkan supaya melibatkan bukan sahaja program seperti latihan industri pelajar atau program pertukaran pelajar, tetapi juga kolaborasi penyelidikan yang merentas sempadan segitiga yakni, antara UniMAP, industri dan rakan-rakan antarabangsanya.

Hadirin sekalian,

Untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, maka pada pendapat Saya, beberapa nilai dan ciri yang perlu ada dalam diri

setiap Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan, bagi sama-sama mengangkasakan UniMAP, antara lain ialah:

- i) Semua Ketua Jabatan mesti memahami aspirasi Kerajaan dalam pendidikan tinggi, bukan sahaja aspirasi yang tersurat, tetapi juga aspirasi yang tersirat,
- ii) Mesti peka dengan perkembangan semasa dunia pendidikan, dan senantiasa cuba mengambil tindakan yang menguntungkan UniMAP selari dengan perkembangan terkini yang berlaku.
- iii) Mesti berani mencuba perkara-perkara baru dan pada masa yang sama berani mengambil risiko membuat kesilapan, tetapi terus belajar dari kesilapan tersebut dan tidak sekali-kali mengulanginya. Dan,

- iv) Mesti sentiasa berfikiran terbuka dan positif serta kompeten dalam bidang masing-masing.

Hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri titah, mengambil sempena sedekad kita bersama, Saya amat berharap semua Ketua Jabatan, apabila pulang nanti, akan melihat kembali fungsi dan tanggungjawab jabatan masing-masing, perkasakannya, mengkaji kekurangan, menilai keberkesanan, mengukur pencapaian dan menambah baik kualiti perkhidmatan seberapa boleh.

Berikanlah fokus kepada sistem pemantauan, penilaian, keberkesanan penggunaan sumber dan peruntukan, kecekapan melaksanakan pelan tindakan serta kemampuan melahirkan

tenaga petugas yang berketerampilan, berintegriti dan beriltizam. Menerusi langkah-langkah yang terancang dan konsisten, maka Saya cukup yakin, hasrat untuk meletakkan UniMAP pada posisi keterlihatan yang terserlah di persada pendidikan tinggi tempatan dan antarbangsa dapat ditegakkan. InsyaAllah.

Superstar Libra nama diberi,

Kapal mewah untuk berehat;

Dahulu KUKUM UniMAP kini,

Semoga terus kekal berkat.

Star Cruise gah di lautan,

Belayar megah merentas samudera;

Program 'Blue Ocean Strategy' Ketua Jabatan,

Sempena UniMAP sedekad usianya.

Akhir titah, Saya dengan ini merasmikan Majlis Pra Perasmian  
Sedekad UniMAP.

Sekian,

Wabilahitaufik Walhidayah

Wassaalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Terima Kasih.